
Joshua

Praktis Topikal 考全能通 Akhir Sesi Akademik



Tahun 4 年级

Dayne Azmin
Ain Nadhirah Mohd Shah

国文

Bahasa Melayu

- Ditulis mengikut format UASA (Ujian Akhir Sesi Akademik) terkini
- Berdasarkan tema yang terdapat dalam buku teks
- Merangkumi bahagian tatabahasa, pemahaman dan penulisan
- Mengandungi UPSA, Pra-UASA dan UASA
- Jawapan lengkap disediakan

LIVEWORKSHEETS

Tarikh: _____

Tema 6 Malaysia Bumi Bertuah

Buku Teks (m.s. 102 ~ 116)

Bahagian A

Tatabahasa

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang **paling sesuai.**

1. _____ syarikat Megah Holding bercuti pada hari Sabtu minggu pertama.
   - A Kakitangan
   - B Suruhanjaya
   - C Urus setia
   - D Urus niaga

2. Adik menutup makanan di atas meja menggunakan _____.
   - A tudung bawal
   - B tudung saji
   - C tudung periuk
   - D tudung sutera

Soalan 3

Pilih ayat yang **betul.**

3.
   - I SJKC Pei Sin adakan program sambutan Hari Kemerdekaan peringkat sekolah.
   - II Alya memenangi pertandingan melukis poster.
   - III Ramai rakyat Malaysia hadir menyaksikan perarakan pada 31 0gos 202_.
   - IV Mereka kibarkan Jalur Gemilang dengan penuh semangat.
   - A I dan II
   - B II dan III
   - C III dan IV
   - D I dan IV

© Tunas Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

Pemahaman Petikan: Teks Tunggal

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada 31 Ogos setiap tahun, saya dan keluarga akan ke Dataran Merdeka. Tahun ini juga tidak terkecuali. Tujuan kami ke sana adalah untuk menyaksikan perarakan hari Kebangsaan. Kami tiba di sana pada pukul 8.00 pagi.

Setibanya di sana, kami melihat orang ramai telah memenuhi dataran tersebut. Kami berasa teruja melihat masyarakat pelbagai peringkat umur bersemangat untuk menyaksikan perarakan ini.

Selepas menunggu selama 10 minit, perarakan hari Kebangsaan pun bermula. Upacara dimulakan dengan nyanyian lagu "Negaraku" dan lagu-lagu patriotik. Semasa nyanyian lagu "Negaraku" berkumandang, Jalur Gemilang dinaikkan dan berkibar megah di angkasa.

Seterusnya, Perdana Menteri memberikan ucapan. Ucapan beliau diakhiri dengan laungan "merdeka" sebanyak tujuh kali. Laungan beliau disambut oleh setiap rakyat Malaysia dengan penuh semangat. Suasana pada ketika itu menjadi sangat meriah.

Acara diteruskan lagi dengan perbarisan lintas hormat. Perbarisan ini diketuai oleh pasukan pancaragam dan pasukan beruniform yang terdiri daripada pasukan polis, tentera, bomba dan sebagainya. Saya berasa sangat teruja melihat pasukan beruniform yang kelihatan segak dan gagah dengan pakaian seragam masing-masing.

Sambutan hari Kebangsaan berakhir pada pukul 12.00 tengah hari.

4. Bilakah penulis dan keluarganya ke Dataran Merdeka?
   - A Pada 31 Januari
   - B Pada 31 Oktober
   - C Pada 31 Ogos
   - D Pada 31 Mac

5. Bagaimanakah keadaan semasa penulis dan keluarganya tiba di Dataran Merdeka?
   - A Sesak
   - B Sibuk
   - C Sempit
   - D Lapang

6. Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang petikan.
   - A Perdana Menteri melaungkan "merdeka" sebanyak tujuh kali.
   - B Orang ramai hadir memeriahkan sambutan hari Kebangsaan.
   - C Penulis berasa sedih melihat sambutan hari Kebangsaan.
   - D Hari Kebangsaan disambut pada 31 Ogos setiap tahun.

LIVEWORKSHEETS

Pemahaman Petikan: Teks Pelbagai

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 *dan* Bahan 2 *dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

BAHAN 1

MAJLIS PELANCARAN BULAN KEMERDEKAAN
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA CHIN MIN



Hari : Selasa
Tarikh : 1 Ogos 202_
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Dewan Besar

Pelbagai *aktiviti* menarik menanti anda!

BAHAN 2

MAJLIS PELANCARAN BULAN KEMERDEKAAN
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA CHIN MIN

Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chin Min akan mengadakan pelancaran Bulan Kemerdekaan peringkat sekolah. Pelancaran Bulan Kemerdekaan ini diadakan untuk memupuk semangat cinta akan tanah air dalam diri murid-murid dan para guru. Selain itu, pelancaran Bulan Kemerdekaan merupakan usaha pihak sekolah untuk menghayati pengorbanan pejuang kemerdekaan terdahulu. Antara *aktiviti* yang akan dijalankan pada hari tersebut ialah tayangan video tokoh kemerdekaan, kuiz merdeka, nyanyian merdeka dan pertandingan melukis poster. Semua warga sekolah akan diberikan Jalur Gemilang untuk dikibarkan semasa pelancaran Bulan Kemerdekaan tersebut.

© Tunas Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

7. Pelancaran Bulan Kemerdekaan akan diadakan pada

   A 1 Ogos 202_.

   B 10 Ogos 202_.

   C 1 Oktober 202_.

   D 10 Oktober 202_.

> Semua warga sekolah akan diberikan Jalur Gemilang untuk dikibarkan semasa pelancaran Bulan Kemerdekaan tersebut.

8. Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

   A ekor.

   B buah.

   C batang.

   D keping.

9. Perkataan *aktiviti* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

   A istiadat.

   B acara.

   C sambutan.

   D upacara.

10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

    A Program dianjurkan oleh Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chung Hwa.

    B Aktiviti yang dijalankan termasuklah tayangan video tokoh kemerdekaan, kuiz merdeka, nyanyian merdeka dan pertandingan mewarna.

    C Tujuan program ini dijalankan adalah untuk menerapkan semangat cinta akan tanah air dalam diri murid-murid dan para guru.

    D Pelancaran program dijalankan pada 10 Ogos 202_.

© Tunas Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

Bahagian B

Pemahaman Petikan dan Tatabahasa

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Semangat patriotik merupakan semangat cinta akan negara. Sebagai warganegara Malaysia, semangat patriotik perlu ditanam dalam diri kita sejak kecil lagi. Antara langkah yang boleh dilakukan untuk memupuk semangat cinta akan negara adalah dengan menggiatkan aktiviti bertemakan semangat patriotik sempena bulan kemerdekaan di peringkat sekolah.

Selain itu, ibu dan bapa boleh membawa anak-anak mereka melawat ke tempat-tempat bersejarah di dalam negara. Pada masa yang sama, ibu dan bapa boleh bercerita tentang sejarah negara yang berlaku di tempat-tempat tersebut. Seterusnya, semangat patriotik juga boleh dipupuk dengan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Semangat perpaduan yang kuat akan membawa kepada sikap menghargai dan menyayangi tanah air.

1. (a) Semangat patriotik ialah _____.

   (b) Apakah yang boleh dilakukan oleh ibu dan bapa untuk memupuk semangat patriotik dalam diri anak-anak?

   _____

   _____

   _____

© Tunas Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

(c) *Bulatkan* **satu kata nama khas** *yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Sebagai warganegara Malaysia, semangat patriotik perlu ditanam dalam diri kita sejak kecil lagi.

(d) *Pilih dan tuliskan* (BETUL) *bagi ayat yang* **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

Ibu dan bapa boleh membawa anak-anak mereka melawat ke tempat-tempat bersejarah di dalam negara.

Anak-anak boleh dibawa oleh ibu dan bapa mereka melawat ke tempat-tempat bersejarah di dalam negara.	
Ibu dan bapa boleh dibawa melawat anak-anak di tempat-tempat bersejarah di dalam negara.	

© Tunas Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

Respons Kritis dan Kreatif

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan.**

Sempena sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat sekolah, kamu dan rakan kamu telah menyertai perbarisan lintas hormat. Semasa latihan, rakan kamu telah terjatuh.

2. Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

© Tunas Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

Bahagian C

Penulisan Perenggan

Grafik di bawah menunjukkan tentang keunikan di Malaysia.
Tuliskan pendapat kamu tentang **keunikan di Malaysia.**
Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan.**
Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan.**



© *Tunas Pelangi Sdn. Bhd.*

LIVEWORKSHEETS